

07 APR 1996

LEBIH BANYAK HOTEL SERI MALAYSIA AKAN DIBINA

ALOR SETAR, 7 April (Bernama) -- Kementerian Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan merancang membina lebih banyak Hotel Seri Malaysia di beberapa buah negeri dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh setelah rangkaian pertama hotel itu mendapat sambutan menggalakkan.

Ketua Setiausaha kementerian itu Datuk Ismail Adam berkata antara negeri yang dikenal pasti sesuai untuk rancangan itu ialah Sabah, Sarawak, Melaka, Perlis dan Wilayah Persekutuan.

Terdapat 15 buah Hotel Seri Malaysia di Alor Setar dan Sungai Petani, Kuala Terengganu, Kuantan, Port Dickson, Seremban, Bayan Baru, Ipoh, Johor Baharu, Maran, Temerloh, Taiping, Rompin, Bagan Lalang dan Mersing, yang kesemuanya bernilai RM100 juta.

Kementerian telah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan peruntukan kewangan bagi membiayai hotel-hotel itu yang akan dibina selepas menerima kelulusan tanah dari kerajaan-kerajaan negeri, katanya kepada pemberita selepas menutup mesyuarat francais ketiga pengurus-pengurus Hotel Seri Malaysia di sini malam tadi.

Beliau yang juga pengerusi rangkaian Hotel Seri Malaysia berkata kewujudan rangkaian hotel itu bukannya untuk bersaing dengan pengusaha hotel lain tetapi bagi menyediakan peluang kepada usahawan tempatan menceburi bidang perhotelan.

Ismail berkata rangkaian 15 Hotel Seri Malaysia yang ada sekarang mempunyai 1,450 bilik yang disewa pada kadar RM90 hingga RM120 sebilik.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Hotel Seri Malaysia Ipoh pada 20 Mei ini. -- BERNAMA

RO CR